

Shah Alam

Bekas pemain badminton kebangsaan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan memperdayakan seorang lelaki berkaitan pertaruhan dalam talian dan pelaburan tidak wujud membabitkan kerugian RM58,029.53 pada tahun 2016.

Tertuduh, Lin Woon Fui, 39, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan berkenaan dibaca

B Chandrateeban memohon mahkamah mengenakan jaminan rendah ke atas anak guamnya dengan alasan tertuduh adalah penanggung utama keluarga dan memberi kerjasama yang baik sepanjang siasa-

menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM berdekatan pada setiap bulan.

Mahkamah juga me-

PERANGKAP 'GANDA' DUIT

Bekas pemain badminton kebangsaan nafi dua tuduhan tipu babit kerugian RM58k

netapkan 17 Ogos depan untuk sebutan semula kes dan serahan dokumen.

Lin pernah memenangi pingat gangsa dalam acara berpasukan pada Sukan Asia 2006.



REMAJA yang diperintah menjalani pemulihan di Sekolah Henry Gurney atas kesalahan amang seksual. - Gambar NSTP/MEOR RIDUWAN MEOR AHMAD

...dudun berkenaan dibaca-
kan di hadapan Hakim Mu-
hammad Anas Mahadzir.

Mengikut kertas pertudu-
han, Lin didakwa memper-
dayakan seorang lelaki ber-
usia 39 tahun bahawa dia
boleh melipatgandakan
wang dengan cara pertaru-
han dalam talian yang men-
dorong lelaki itu memin-
dahkan wang sejumlah
RM28,029 ke akaun milik isteri
tertuduh.

Tertuduh juga didakwa
memperdayakan lelaki yang
sama dengan pelaburan sa-
ham yang diketahui tertu-
duh tidak wujud yang men-
dorong lelaki itu memin-
dahkan wang sejumlah
RM30,000.53 ke dalam
akaun bank milik tertuduh.

Justeru, Lin didakwa me-
lakukan kesalahan yang bo-
leh dihukum mengikut
seksyen 420 Kanun Kesek-
saan.

Sabit kesalahan boleh di-
penjara selama tempoh ti-
dak kurang dari satu tahun
dan tidak lebih dari 10 tahun
dan dengan sebat serta den-
da bagi setiap pertuduhan.


Didakwa melakukan keša-
lahan itu pada Jun dan No-
vember 2016 di Setia Alam,
Shah Alam.

Terdahulu, Timbalan Pen-
dakwa Raya, Irna Julieza Ma-
aras menawarkan jaminan
RM20,000 dengan seorang
penjamin untuk kedua-dua
pertuduhan dengan syarat
tambahan tertuduh perlu
menyerahkan pasport ke-
pada mahkamah serta perlu
melaporkan diri di pejabat
Suruhanjaya Pencegahan
Rasuah Malaysia (SPRM)
pada 1 haribulan setiap bu-
lan.

Bagaimanapun, peguam

tan.
"Pihak kami cadangkan
ikat jamin RM10,000 de-
ngan seorang penjamin ba-
gi kedua-dua pertuduhan,"
katanya.

Muhammad Anas kemu-
dian membenarkan tertu-
duh diikat jamin
RM17,000 dengan seo-
rang penjamin bagi
kedua-dua pertudu-
han dengan syarat
tambahan perlu



LIN (kanan) di Mahkamah
Sesyen Shah Alam, semalam.
* Gambar NSTP/NORZAMIRA
CHE NOH

RM17k

Jumlah ikat jamin
dipastikan dengan
seorang penjamin bagi
kedua-dua pertuduhan

Diperintah jalani pemulihan di SHG

Metaka: Seorang remaja le-
laki terlepas hukuman pen-
jara, apabila diperintah
menjalani pemulihan di Se-
kolah Henry Gurney (SHG)
oleh Mahkamah Sesyen
Ayer Keroh di sini, sema-
lam atas kesalahan mela-
kukan amang seksual ter-
hadap remaja perempuan,
dua tahun lalu.

Hakim Mohd Sabri Ismail
membuat keputusan itu se-
lepas menerima pengakuan
bersalah tertuduh yang ju-
ga pesalah muda.

Mohd Sabri berkata,
mahkamah juga menim-
bangkan syor pegawai akh-
lak Jabatan Kebajikan Ma-
syarakat (JKM) supaya ter-
tuduh yang juga pesalah
muda ditahan di SHG se-
hingga berusia 21 tahun.

Katanya, tertuduh juga
disyorkan menjalani kaun-
seling pemulihan serta di-
letakkan di bawah penga-
wasan Polis Diraja Malaysia
(PDRM) selama setahun se-
lepas selesai hukuman itu.

Mengikut pertuduhan,
dia didakwa melakukan
melakukan amang seksual
fizikal terhadap mangsa be-
rusia 16 tahun dengan me-
meluk dan meraba mangsa
di sebuah rumah di Ta-
man Seri Mas di

sini, pada jam 3
pagi, 21 Mac
2020.

Kesala-
han Seks-
yen 14 (a)

Akta Kesalahan-Kesalahan
Seksual Terhadap Kanak-
Kanak 2017 itu mem-
bawa hukuman penjara
maksimum 20 tahun dan
sebat jika disabitkan.

Peguam Loong Meng Si
berkata, anak guamnya di-
reman sejak 4 Jun 2020 be-
rikutan ibu bapanya tidak
mampu membayar ikat
jamin.

"Ketika kejadian tertu-
duh berusia 17 tahun, 10 bu-
lan. Saya percaya bila bebas
nanti, tertuduh dapat me-
mulakan hidup baharu," ka-
tanya.

Terdahulu, Timbalan
Pendakwa Raya, Muham-
mad Nazrin Ali Rahim
menghujahkan bahawa fak-
ta kes jelas menyokong per-
tuduhan dihadapi tertuduh
iaitu melakukan amang
seksual fizikal dan ia bukan
kesalahan kecil.

Sementara itu, tertuduh
tidak mengaku bersalah
mengikut Seksyen 376 (1)
Kanun Keseksaan iaitu per-
tuduhan merogol mangsa
sama pada tarikh, masa dan
di tempat sama yang mem-
peruntukkan hukuman
penjara sehingga 20 tahun
dan sebatan jika sabit ke-
salahan.

**Kes ditetapkan
untuk perbi-
caraan**

**pada 7 dan
8 Novem-
ber de-
pan.**

Tertuduh
disyorkan menjalani
kaunseling pemulihan